

INI HANYA PREVIEW SAHAJA!

1. Mengapakah institusi Raja Berperlembagaan di negara kita perlu dipertahankan? (8m)

- Raja menaungi rakyat
- Simbol kedaulatan negara
- Pemerintahan beraja mengimbangi pemerintahan demokrasi
- Memilih pemimpin yang berwibawa menerajui negara
- Rakyat hidup dalam keadaan aman
- Pembangunan ekonomi negara berkembang pesat
- Perpaduan kaum dapat dikekalkan
- Dasar negara dapat diteruskan dengan jayanya
- Memastikan wujud keharmonian di kalangan rakyat
- Perlembagaan menjadi rujukan dan panduan dalam pentadbiran

2. Jelaskan peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dari sudut kuasa perundangan. (8m)

a) Persidangan Parlimen

- Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang.
- Baginda juga berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen.

b) Agama

- Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.
- Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan atau raja yang memerintah di negeri masing-masing.

c) Hak dan Keistimewaan

- Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.
- bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia.

d) Pengisytiharan Darurat

- Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat.
- Pengisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara

3. Jelaskan peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dari sudut Kuasa Kehakiman. (4m)

- Yang di-Pertuan Agong melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri
- Selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.
- Hakim Mahkamah Atasan terdiri daripada Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi

4. Jelaskan peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dari sudut Kuasa Pengampunan. (4m)

- Baginda akan bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan.
- Baginda berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera, Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

5. Nyatakan komponen yang terdapat dalam Badan Eksekutif (3m)

- Perdana Menteri
- Jemaah Menteri
- Kementerian

6. Nyatakan komponen yang terdapat dalam Badan Eksekutif (3m)

- Ketua Hakim Negara
- Mahkamah Atasan
- Mahkamah Bawah

7. Apakah tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Parlimen? (2m)

- Merupakan badan perundangan tertinggi di Malaysia
- terdiri daripada tiga komponen, iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara
- berkuasa menggubal undang-undang
- boleh membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada
- menyemak dasar kerajaan
- meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai yang baharu

8. Apakah itu Dewan Negara dan peranannya? (2m)

- Dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara.
- Juga dikenali sebagai Dewan Senat
- Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti.

9. Apakah itu Dewan Rakyat dan peranannya? (2m)

- Dewan yang ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.
- Menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.

10. Apakah itu Dewan Undangan Negeri dan peranannya? (3m)

- DUN terdapat di setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya
- terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri selaku ketua negeri, Speaker Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)
- berfungsi untuk menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

11. Terangkan Badan Eksekutif dalam pemerintahan (4m)

- Merupakan badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan.
- Peringkat Persekutuan – Jemaah Menteri
- Peringkat Kerajaan Negeri – Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

12. Huraikan sistem Kabinet dalam pemerintahan di peringkat Kerajaan Persekutuan. (8m)

- terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan dan Menteri Kesihatan.
- Tugas mereka menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan
- Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri, memimpin kerajaan dan menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan.
- Menteri mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.
- Setiap menteri mesti mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri.
- Sekiranya seseorang menteri tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, beliau hendaklah meletakkan jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri

13. Huraikan sistem Badan Kehakiman dalam pemerintahan di peringkat Kerajaan Persekutuan. (8m)

Definisi: *badan yang bertanggungjawab mentafsirkan dan melaksanakan undang-undang serta mempertahankan Perlembagaan Persekutuan*

- diketuai oleh Ketua Hakim Negara.
- Hakim dilantik untuk memastikan sistem kehakiman dan keadilan ditegakkan di negara kita.

Peranan Badan Kehakiman (2m)

- mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat mahupun sesama rakyat
- menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Pembahagian mahkamah/Badan Kehakiman (2m)

- Terdiri daripada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Bawahan serta Mahkamah Khas
- mahkamah pada peringkat negeri, iaitu Mahkamah Syariah serta Mahkamah Anak Negeri di Sarawak dan Sabah

14. Nyatakan mahkamah-mahkamah yang dikategorikan sebagai Mahkamah Peringkat Atasan? (2m)

- Mahkamah Persekutuan
- Mahkamah Rayuan
- Mahkamah Tinggi Malaya
- Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah

15. Nyatakan mahkamah-mahkamah yang dikategorikan sebagai Mahkamah Peringkat Atasan? (2m)

- Mahkamah Sesyen
- Mahkamah Majistret

16. Nyatakan 1 contoh Mahkamah Khas yang tidak terletak dalam hierarki mahkamah biasa. (1m)

- Mahkamah Khas Raja-Raja.
- Mahkamah Tentera.

17. Sejauhmanakah konsep pengasingan kuasa dapat mengukuhkan sistem pentadbiran di negara kita? (8m)

- Mewujudkan sistem pemerintahan yang adil dan saksama
- Tiada pertindihan kuasa
- Memantapkan pemerintahan melalui konsep semak dan imbang

- Kuasa pengimbang pada raja dapat meredakan konflik yang berlaku seperti perselisihan kaum
- Bertujuan memastikan badan kehakiman sebagai institusi keadilan
- Mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi & dasar negara
- Memastikan kuasa pemerintahan tidak dikuasai oleh seseorang atau sesebuah institusi

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

18. Bincangkan keunikan amalan demokrasi berparlimen di negara kita? (8m)

a) Gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran

- Unsur tradisional terletak pada kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu.
- Unsur moden pula ialah Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England.

b) Mekanisme Semak dan imbang dalam pentadbiran

- Mekanisme semak dan imbang berlaku melalui pengasingan kuasa, iaitu badan perundangan, eksekutif dan kehakiman.
- Contohnya, Badan perundangan diberi peranan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan oleh badan eksekutif.
- Sekiranya timbul konflik dan kekeliruan, penyelesaian dibuat melalui badan kehakiman.

c) Kuasa Budi Bicara Raja

- Raja dan Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara melantik ketua Kerajaan Negeri, iaitu Menteri Besar dan Ketua Menteri.
- Yang di-Pertuan Agong juga mempunyai kuasa budi bicara untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen.
- Raja dan Yang di-Pertua Negeri pula mempunyai kuasa budi bicara tidak memperkenankan pembubaran DUN.

d) Kerjasama Politik

- Permuafakatan pelbagai parti politik dalam satu gabungan membolehkan parti politik membentuk kerajaan dan berkongsi kuasa dalam pemerintahan di negara kita.
- Contohnya, Parti Perikatan
- Gabungan ini kemudiannya dikenali sebagai Barisan Nasional.

- Parti ini memenangi 13 kali pilihan raya umum untuk membentuk Kerajaan Persekutuan

19. Mengapakah sistem demokrasi Berparlimen di negara kita perlu dipertahankan? (8m)

a) Keamanan negara dapat dikekalkan

- Gabungan sistem tradisi dan moden iaitu pemerintahan beraja dan unsur demokrasi
- Berjaya membentuk pentadbiran yang sistematik

b) Mengimbangi amalan demokrasi

- Rakyat boleh menyuarakan pendapat pada saluran yang betul
- Iaitu melalui Parlimen & Dewan Rakyat
- Pemilihan pemerintah & kerajaan melalui pilihanraya
- Memenuhi aspirasi rakyat berdasarkan prinsip demokrasi

c) Berjaya mewujudkan kestabilan

- Membawa kemajuan dalam pelbagai bidang untuk bangsa & negara Malaysia
- Rakyat menjunjung tinggi prinsip-prinsip perlembagaan
- Patuh pada undang-undang
- Kesannya, Kekacauan tidak berlaku
- Rakyat saling menghormati antara pelbagai bangsa & bersama-sama membina negara

d) Pemilihan pemimpin & kerajaan melalui pilihanraya

- Peringkat persekutuan dan negeri
- Memilih pemimpin berwibawa untuk mentadbir negara
- Memastikan kerjasama pemimpin dan rakyat terus utuh
- Bersama-sama membangunkan negara

**NAK FULL BAB F4 & F5 YANG
MACAM NI?**

**PM @BEEBEENN DI TELEGRAM
ATAU [T.ME/BEEBEENN](https://t.me/BEEBEENN) FOR
PURCHASE**